

RINGKASAN KEPUTUSAN RAYUAN

NO. RAYUAN TRK (K) 3-2009

FAKTA KES

1. Perayu adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang ditubuhkan pada 28 Ogos 1993. Perayu mengimport barang dagangan *PC Operator Panel 100% Plastic 1EA*, Jenama SIEMENS yang telah dipenjeniskan di bawah kod tarif 8471. 50 000. Perayu telah membayar duti import dan cukai jualan sebanyak RM11,152.98. Bayaran tersebut dibuat dengan memberi Notis Pembayaran Secara Bantahan kerana Perayu berpendapat barang dagangan tersebut sepatutnya tidak dikenakan sebarang duti import dan cukai jualan.
2. Perayu telah membuat permohonan Tuntutan Pulang Balik Duti Import dan Cukai Jualan kepada Ketua Pengarah Kastam tetapi ditolak atas alasan Notis Bantahan tiada tandatangan pegawai syarikat yang diberi kuasa dan tiada cop syarikat. Notis Bantahan juga tidak dibuat secara rasmi dan lengkap semasa import yang mengakibatkan Stesen Pengimport tidak dapat memperolehi contoh dagangan dan dokumen pengesahan perihal dagangan tersebut.
3. Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan Ketua Pengarah Kastam dan telah memfailkan Notis Rayuan di Tribunal Rayuan Kastam pada 20 November 2009.

ISU

Sama ada barangan dagangan *PC Operator Panel 100% Plastic 1EA*, Jenama SIEMENS tertakluk kepada duti import dan cukai jualan.

(Selepas rayuan difailkan pihak-pihak telah menjalani proses rundingan penyelesaian sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 141P Akta Kastam 1967. Perayu telah menarik balik rayuan dan tidak hadir pada tarikh pendengaran)

KEPUTUSAN

Rayuan dibatalkan.

24 Februari 2010